

PAJAKAN MELOMBONG

DI BAWAH INI DINYATAKAN SYARAT-SYARAT DAN DOKUMEN-DOKUMEN YANG PERLU DISERTAKAN BERSAMA BAGI SETIAP PERMOHONAN PAJAKAN MELOMBONG

- a. Borang Permohonan (Borang 8A) hendaklah diisi dalam enam (6) salinan (Boleh difotokopi).
- b. Permohonan hendaklah dibuat atas Nama Syarikat Berhad/Sdn. Bhd.,/Agensi Kerajaan atau Koperasi (Mana-mana yang berkenaan).
- c. Fi Permohonan **RM500.00**.
- d. Keluasan maksimum bagi setiap satu permohonan adalah tidak melebihi **60 Hektar (150.00 Ekar)**.
- e. Modal Berbayar (paid-up capital) tidak kurang dari **RM100,000.00**.
- f. Maklumat Syarikat yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) - mengandungi maklumat ahli lembaga pengarah, pemegang saham, maklumat berkaitan gadaian (sekiranya ada). Tarikh cetakan maklumat dikeluarkan mestilah dalam tempoh enam (6) bulan sebelum borang permohonan Pajak Melombong dikemukakan kepada pejabat ini.
- g. Satu (1) salinan Borang 24, Borang 44, Borang 49 yang terkini (Hendaklah disahkan oleh Setiausaha Syarikat).
- h. Undang-Undang Tubuh (MAA) yang salah satu objektifnya boleh menjalankan aktiviti perlombongan (Hendaklah disahkan oleh Setiausaha Syarikat).
- i. Resolusi Syarikat berkenaan permohonan (Hendaklah disahkan oleh Setiausaha Syarikat).
- j. Lima belas (15) salinan pelan lokasi berskala **1:6336** beserta pelan kunci (key plan) berskala 1:63,360 atau 1:50,000 beserta satu (1) Cakera Padat (CD) mengandungi pelan lokasi (Format AutoCAD 14).
- k. Enam (6) salinan Laporan Kajian Pra-Kebolehlaksanaan (Pre-Feasibility Study) hendaklah dikemukakan bersama-sama borang permohonan ini.